

## PERSEPSI PELAJAR-PELAJAR PENGAJIAN ISLAM IPTS TERHADAP ISU-ISU FAHAMAN ISLAM LIBERAL (The Perception on Liberal Islam Thoughts Among Islamic Studies Students in IPTS)

<sup>1</sup> MOHD FAIRUZ JAMALUDDIN

<sup>1</sup> LATIFAH ABDUL MAJID

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

---

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar-pelajar pengajian Islam di IPTS terhadap isu-isu fahaman Islam Liberal. Persepsi yang dikaji adalah berhubung dengan dua isu yang diperjuangkan oleh fahaman tersebut iaitu isu aurat dan isu kebebasan beragama. Kajian ini memilih Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai lokasi kajian yang melibatkan 100 responden iaitu pelajar-pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda. Metodologi yang digunakan adalah gabungan dua metode utama kajian iaitu kajian analisis dokumen dan kajian tinjauan yang melibatkan pengedaran soal selidik serta temu bual. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan responden telah menolak kedua-dua isu yang diketengahkan oleh fahaman Islam Liberal. Namun yang demikian, terdapat juga sebilangan mereka telah memperlihatkan persepsi yang cenderung ke arah pemikiran Islam Liberal terhadap isu-isu tersebut. Justeru, kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pihak KUIS berhubung dengan persepsi pelajar mereka mengenai isu-isu fahaman Islam Liberal.*

**Kata kunci:** Islam Liberal, KUIS, IPTS, pengajian Islam

### ABSTRACT

*The objective of this study is to identify the level of perception on Islam Liberal thoughts among IPTS students of Islamic Studies at Selangor International Islamic University College (KUIS). This study identifies their perception about Liberal Islam includes two issues brought up by Liberal Islam thoughts namely, religious freedom and covering the body. International Islamic University*

*College Selangor (KUIS) was chosen as the location of study involving 100 respondents of degree students. This is a combination of analysis document and survey research involving distribution of questionnaires and interviews. The result demonstrates most of them rejected these two issues brought up by Liberal Islam thoughts. Nevertheless, some respondents' perception was inclining toward Liberal Islam thoughts in those issues. Therefore, this study contributes in giving information to KUIS about the students' perception on Liberal Islam thoughts.*

**Keywords:** Liberal Islam, KUIS, IPTS, Islamic studies

## PENDAHULUAN

Mutakhir ini, dunia dan masyarakat Islam berhadapan dengan serangan pemikiran Islam Liberal yang berkehendak kepada keterbukaan dalam berijtihad dengan meletakkan akal pada tempat yang paling tinggi berbanding sumber-sumber yang telah sedia ada dalam Islam iaitu al-Quran dan Sunnah. Golongan Islam Liberal tidak menzahirkan diri mereka sebagai orang yang menolak agama, akan tetapi berselindung di sebalik gagasan mengkaji semula agama (Riduan & Ahmad Adnan 2009). Di samping itu, mereka menilai semula syariat dan hukum-hukum fiqah serta menolak segala tafsiran yang dianggap lama dan kolot mengenai agama termasuk tafsiran daripada Rasulullah, para sahabat serta ulama mujtahid. Bagi mereka, agama hendaklah disesuaikan kepada realiti semasa, sekalipun terpaksa menafikan hukum-hukum yang telah sabit dengan nas-nas syarak secara putus *qat'ie* (Mohammad Ariffin t.th).

Apa yang lebih membimbangkan, fahaman tersebut sudah bertapak di Malaysia walaupun tidak segawat di Indonesia. Buktinya, seperti kemunculan pertubuhan Sisters in Islam (SIS) yang sering mengkritik pelaksanaan undang-undang keluarga dan jenayah Islam yang mana menurut mereka bersifat diskriminatif terhadap wanita (Marzuki 2009). Tambahan pula, fahaman Islam Liberal di Malaysia dikembangkan lagi dengan penubuhan Malaysian Interfaith Network (MIN) pada 15 Februari 2003, bertujuan untuk menjayakan agenda pluralisme agama di Malaysia (Mohammad Ariffin t.th).

Oleh yang demikian, sebagai langkah menyekat pengaruh fahaman tersebut di negara ini, pelbagai pendekatan telah diambil oleh pihak-pihak tertentu seperti melalui penulisan buku, ceramah, seminar dan sebagainya. Manakala, perbahasan atau perbincangan mengenai fahaman Islam Liberal di peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) atau swasta (IPTS) juga tidak terkecuali dan ianya tertumpu dalam pengajian Islam. Sebagai contoh, Pengajian Islam di institusi-institusi pengajian tinggi tertentu telah melaksanakan pelbagai pendekatan dalam menyalurkan maklumat kepada para pelajarnya mengenai

fahaman tersebut seperti melalui sukatan pembelajaran, seminar, forum dan sebagainya. Ia dapat dilihat menerusi subjek khusus iaitu Pemikiran Islam yang ada menyentuh isu-isu seperti reformis, orientalis, sekularis dan liberal sepertimana ditawarkan pengajian Islam di IPTA (Mohamad Kamil & Wan Adli 2007). Manakala di peringkat IPTS, KUIS juga ada menawarkan subjek pemikiran Islam iaitu *Orientalisme dan Aliran Pemikiran* serta mengambil beberapa pendekatan lain sebagai usaha menyampaikan maklumat berhubung dengan fahaman Islam Liberal dan seterusnya menyekat pengaruh fahaman tersebut dalam kalangan pelajar-pelajarnya mahupun masyarakat umum.

Huraian di atas menunjukkan bahawa maklumat mengenai fahaman Islam Liberal telah wujud dalam kalangan pelajar-pelajar pengajian Islam di KUIS. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana persepsi pelajar-pelajar Akademi Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) terhadap isu-isu yang diperjuangkan oleh fahaman tersebut. Ini kerana penguasaan sesuatu ilmu akan menjamin kesejahteraan masa depan dan mengelak daripada diperdaya dan dilemahkan oleh musuh Islam (Abdul Shukor 2008). Oleh yang demikian, golongan ini harus peka kepada isu-isu semasa *glokal* mahupun global terutamanya dalam mengharungi era globalisasi masa kini.

## **KAJIAN TERDAHULU**

Menerusi kajian ini, pengkaji membahagikan ulasan kepustakaan kepada dua bahagian. Bahagian pertama mengkhususkan ulasan kepustakaan yang menyentuh atau membincangkan mengenai persepsi pelajar institut pengajian tinggi sepertimana Mustafa et. al (1993) dalam kajiannya telah menilai persepsi pelajar UUM mengenai kebolehan menulis dan membaca tulisan jawi, pendedahan kepada tulisan jawi serta halangan-halangan yang dihadapi. Sementara itu, penulisan Abdul Hafiz & Ahmad Syukri (2006) pula telah mengupas berkenaan persepsi pelajar Fakulti Pendidikan, UTM terhadap kecenderungan berpasangan di IPTA. Hasil kajian merumuskan bahawa kebanyakan responden telah bersetuju bahawa kecenderungan berpasangan di kalangan pelajar merupakan antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya maksiat di UTM.

Di samping itu, terdapat kajian lepas berhubung dengan persepsi pelajar Pengajian Tinggi yang memfokuskan kepada bidang pembelajaran antaranya Norbaya et. al (2006) yang mengupas persepsi pelajar UPM terhadap kursus Hubungan Etnik. Kesimpulannya, sebahagian besar responden merasakan bahawa kursus tersebut telah memberi manfaat kepada mereka. Selain itu, kajian Shah Rollah et. al (2006) telah menumpukan kepada persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Inggeris di UTM. Dapatan analisis soal selidik memperlihatkan bahawa pembelajaran Bahasa Inggeris di UTM membantu meningkatkan keyakinan diri responden untuk bertutur dalam bahasa Inggeris

dan membentuk perubahan sikap positif terhadap bahasa Inggeris untuk lebih bersedia menghadapi persaingan.

Dalam pada itu, didapati juga kajian lain yang memfokuskan kepada persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Titas adalah seperti Mohamad Khairi & Mohd Nizho (2006) telah menumpukan kepada pelajar Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Keputusan kajian mendapati bahawa keseluruhan pelajar bersetuju bahawa kursus tersebut dapat memberi kefahaman mengenai Islam, konsep tamadun dan tamadun Melayu serta dapat mengubah sikap, memupuk semangat perpaduan dan mengajar erti kehidupan. Selain itu, kajian oleh Abdul Hafiz & Abdul Rahim (2006) juga merupakan kajian yang cenderung ke arah kursus Titas menunjukkan bahawa pelajar non Muslim kurang menerima subjek TITAS berbanding pelajar Muslim.

Berhubung dengan kajian yang mengupas tentang persepsi, didapati bahawa kajian mengenainya banyak menumpukan kepada pelajar institusi pengajian tinggi sebagaimana kajian ini. Metode yang digunakan pula tidak banyak bezanya antara satu dengan yang lain iaitu menggunakan metode kajian tinjauan. Walau bagaimanapun, kelainan yang akan digarapkan dalam kajian ini berbanding kajian-kajian lain adalah persepsi pelajar IPT khususnya pelajar-pelajar Pengajian Islam terhadap isu yang diperjuangkan oleh fahaman Islam Liberal iaitu isu aurat dan isu kebebasan beragama. Kajian ini amat penting untuk ditonjolkan kerana isu-isu tersebut telah pun mendapat tempat dalam kalangan segelintir masyarakat Islam di negara ini.

Seterusnya, bahagian kedua adalah kajian-kajian yang membincangkan mengenai fahaman Islam Liberal seperti artikel karangan Shaharom TM Sulaiman (2002, 2003) memfokuskan perbincangan mengenai idea-idea pemikiran tokoh-tokoh Islam Liberal seperti Mohammed Arkoun, Abdul Karim Soroush, Qasim Amin, Nasr Abu Zayd dan lain-lain. Di sisi lain, penulis dalam artikel ini ingin memperlihatkan kepada pembaca tentang perbezaan gagasan tokoh-tokoh tersebut dengan menggunakan metode analisis kandungan terhadap karya-karya mereka. Sebagai contoh, Soroush menyarankan teori pengembangan dan penyusutan manakala Arkoun pula menggunakan pendekatan persejarahan atau "historisisme". Walaupun terdapat perbezaan, namun apa yang cuba digarapkan oleh kedua-dua tokoh ini adalah sama iaitu menyeru manusia untuk merombak semula tafsiran-tafsiran teks-teks agama supaya ianya bersesuaian dengan peredaran zaman masa kini. Hakikatnya, kajian ini mendedahkan kepada orang ramai tentang pokok pemikiran tokoh-tokoh Islam Liberal dari pelbagai buah negara.

Kemudian, penulisan Muhibbudin Hasan (2004), Muslim Gunawan (2005) dan Muhd. Najib Abdul Kadir, Mazlan Ibrahim & Muhibudin Hassan (2007) pula memfokuskan pendekatan yang digunakan oleh aliran fahaman

Islam Liberal dalam bidang tafsir. Dengan menggunakan metode analisis kritis dan persejarahan, penulis telah merumuskan bahawa fahaman Islam Liberal lebih cenderung menggunakan pendekatan akal serta metode *tafsir bi al-ra'yi al-mazmum* ketika mana mereka mentafsirkan al-Quran supaya maksud nas-nas al-Quran dapat disesuaikan dengan pemikiran yang mereka bawa. Secara tidak langsung, kajian-kajian ini memberi maklumat khususnya tentang tokoh-tokoh Islam Liberal di Indonesia dan tema-tema perjuangan mereka serta memberi kesedaran kepada orang ramai tentang bahayanya gagasan Islam Liberal terhadap akidah umat Islam. Namun begitu, melalui penelitian yang dijalankan, tidak terdapat penulisan yang menjelaskan tentang metodologi yang digunakan oleh pendukung aliran Islam Liberal khususnya dalam mentafsir hadis-hadis Nabi yang menurut pengkaji perlu diketengahkan.

Di samping itu, Persatuan Ulama Malaysia umpamanya telah mengambil langkah proaktif dengan menerbitkan buku yang lebih menumpukan kepada sorotan sejarah serta isu-isu yang diketengahkan oleh aliran fahaman Islam Liberal. Namun begitu, hasil tulisan Bharuddin Che Pa, Raja Hisyammudin Raja Sulong & Afriadi Sanusi (2009) dirasakan mempunyai kelainan yang tersendiri apabila memfokuskan bentuk-bentuk pendekatan individu tertentu sebagai strategi dalam membendung aliran fahaman Islam Liberal yang kurang dibahaskan di dalam kajian-kajian sebelum ini.

Perbincangan yang memfokuskan kepada isu-isu yang diperjuangkan oleh fahaman Islam Liberal pula telah dihasilkan dalam beberapa bentuk penulisan seperti Riduan Mohamad Nor & Ahmad Adnan Fadhil (2009) dan tesis Nur Farhana Abdul Rahman (2010) yang mana Kedua-dua karya tersebut membahaskan isu yang sama iaitu konsep pluralisme agama menurut aliran Islam Liberal iaitu satu fahaman yang mendakwa semua agama adalah benar. Perbahasan mengenai isu ini sangat menarik kerana penulis seperti Riduan Mohamad Nor & Ahmad Adnan Fadhil cuba mengaitkannya dengan fenomena Islam Liberal yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Dalam pada itu, terdapat satu kajian oleh Mohd Nasir Omar (t.th) yang mana objektif kajian ini adalah untuk mengupas respons masyarakat Malaysia dan Indonesia terhadap ideologi Islam Liberal dengan membawa beberapa isu-isu yang didakwa oleh fahaman tersebut. Namun, kajian ini tidak memfokuskan satu-satu badan atau agensi mahupun institusi untuk menguji persepsi terhadap isu-isu fahaman Islam Liberal. Walau bagaimanapun, kajian ini sebagai langkah permulaan dalam dunia penyelidikan berbentuk tinjauan berkenaan Islam Liberal.

Melalui perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa masyarakat Islam khasnya di Malaysia mula memberi perhatian terhadap kajian mengenai Islam Liberal sekitar tahun 2002. Pokok perbahasan pula menyentuh pelbagai

aspek dan metodologi yang digunakan pula lebih tertumpu kepada metode kajian kepustakaan berbeza dengan apa yang diketengahkan dalam kajian ini iaitu penggunaan metode kajian tinjauan. Selain itu, didapati bahawa bilangan penyelidikan yang membahaskan secara khusus mengenai reaksi atau strategi individu-individu, institusi-institusi mahupun gerakan-gerakan tertentu di dalam membendung pengaruh aliran fahaman Islam Liberal terutamanya di Malaysia adalah kurang diketengahkan sedangkan ianya perlu untuk mengetahui sejauh mana keprihatinan dan kepekaan masyarakat Islam Malaysia terhadap ancaman Islam Liberal. Demi menghasilkan input-input baru dalam dunia penyelidikan Islam, pengkaji merasakan masih terlalu banyak lagi tema-tema perbahasan Islam Liberal yang perlu dikupas sebagai contoh kajian mengenai kefahaman serta persepsi masyarakat terhadap fahaman Islam Liberal sebagaimana yang terdapat dalam kajian ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Populasi kajian melibatkan pelajar-pelajar sarjana muda Akademi Islam di KUIS seramai 687 pelajar. Oleh yang demikian, sampel kajian dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak berkelompok yang melibatkan lima kelompok jabatan iaitu Syariah Dengan Undang-undang, Al-Quran dan Sunnah Dengan Komunikasi, Usuluddin Dengan Multimedia, Al-Quran Dan *al-Qiraat* serta Dakwah Dengan Pengurusan Sumber Insan. Persampelan rawak berkelompok menurut Ahmad Sunawari (2009) merupakan suatu teknik persampelan yang digunakan untuk memilih sampel daripada populasi yang besar dan bersifat *heterogeneous*. Jenis persampelan ini tergolong dalam kategori persampelan kebarangkalian dan boleh digeneralisasikan kepada seluruh populasi. Oleh yang demikian, seramai 100 orang pelajar Sarjana Muda Akademi Islam daripada kelima-lima jabatan telah dipilih sebagai sampel kajian. Jumlah tersebut telah mencapai jumlah yang sesuai bagi saiz sampel yang diperlukan sesebuah kajian tinjauan sepertimana yang dijelaskan oleh Chua Yan Piaw (2006).

Kajian ini memilih penggunaan instrumen soal selidik dan temu bual berdasarkan penulisan Chua Yan Piaw (2006) bahawa instrumen kajian bagi kajian jenis tinjauan adalah berupa soal selidik dan temu bual. Bagi instrumen soal selidik, Ia telah dibahagikan kepada 4 bahagian utama iaitu Bahagian 1 yang mengandungi item-item berkaitan dengan latar belakang responden. Ini termasuklah umur, jantina dan bidang pengkhususan. Di dalam bahagian ini juga terdapat satu soalan tambahan untuk mengenal pasti medium yang banyak memberikan maklumat kepada responden berkenaan dengan fahaman Islam Liberal.

Kemudian, bahagian 2 pula mengandungi item-item mengenai Islam Liberal. Di dalam bahagian 2, pengkaji telah memecahkannya kepada 2 bahagian iaitu Bahagian 2A mengandungi sebanyak 8 item untuk mengenal pasti responden terhadap isu kebebasan beragama. Manakala, Bahagian 2B turut mengandungi sebanyak 8 item untuk mengenal pasti persepsi responden terhadap isu aurat.

Sementara itu, setiap pernyataan responden diberi pilihan jawapan mengikut skala Likert, iaitu:

Jadual 1.1 Skor jawapan soal selidik Bahagian 2


<b>Jawapan Pilihan</b>	<b>Nilai</b>
Sangat tidak setuju	1
Tidak setuju	2
Tidak pasti	3
Setuju	4
Sangat setuju	5

Dalam kaedah temu bual dalam kajian ini telah menggabungkan kaedah temu bual jenis berstruktur dan tidak berstruktur. Responden telah diberikan sebanyak 6 soalan bagi mencapai objektif kajian yang mana menurut Chua Yan Piaw (2006) bilangan minimum adalah sebanyak 5 item dan bilangan maksimum pula adalah sebanyak 20 item. Seramai 10 orang responden yang mewakili pelajar lelaki dan wanita telah ditemu bual di mana setiap 2 orang daripada mereka mewakili 5 buah jabatan yang terdapat di Akademi Islam, KUIS tersebut.

## **DAPATAN ANALISIS DESKRIPTIF**


### **a) Latar Belakang Responden**

Kajian ini melibatkan 100 orang responden pelajar-pelajar Akademi Islam di KUIS yang terdiri daripada 5 buah jabatan. Keputusan analisis mendapati responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 21 orang pelajar Jabatan Syariah dengan Undang-undang, 19 orang pelajar Jabatan Al-Quran dan al-Sunnah, 28 orang pelajar Jabatan Usuluddin dengan Multimedia, 9 orang pelajar Jabatan Al-Quran dan al-Qiraat serta 23 orang pelajar Jabatan Dakwah dengan Pengurusan Sumber Insan. Huraian ini dapat diringkaskan dalam bentuk rajah di bawah:



Rajah 1.1 Jabatan pengajian responden  
Sumber: Soal selidik 2011


Selain itu, tahap umur responden turut dikenal pasti berdasarkan kepada tiga kategori iaitu 20 tahun ke bawah, 21-30 tahun dan 31 tahun ke atas. Keputusan mendapati bahawa responden yang berumur 21-30 tahun adalah yang paling ramai dengan jumlah 51 orang. Manakala kategori umur 20 tahun ke bawah telah diwakili sejumlah 49 orang responden. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat responden yang berumur 31 tahun ke atas. Dapatan ini ada benarnya, kerana secara logik kemasukan pelajar ke peringkat IPTA/IPTS bagi program Ijazah Sarjana Muda adalah bermula sekitar pada umur 18 tahun bagi lepasan SPM, 19 tahun bagi lepasan STPM/STAM dan 21 tahun bagi lepasan Diploma. Maka tidak hairanlah tidak terdapat responden yang berumur 31 tahun ke atas yang ditemui dalam kajian ini. Secara ringkasnya, keputusan analisa mengenai umur responden dapat dijelaskan dalam rajah berikut:



Rajah 1.2 Umur responden  
Sumber: Soal selidik 2011




Di samping itu, disebabkan kajian ini melibatkan responden pelajar lelaki dan perempuan, maka item jantina juga dikemukakan dalam soal selidik bagi tujuan melihat perbezaan jumlah bilangan responden mengikut jantina. Hasilnya, responden pelajar perempuan melebihi bilangan responden pelajar lelaki dengan masing-masing diwakili seramai 44 dan 56 responden. Penemuan ini selaras dengan jumlah pelajar perempuan IPTS peringkat Sarjana Muda pada tahun 2007 iaitu 74, 620 orang berbanding dengan jumlah pelajar lelaki iaitu sejumlah 66, 439 orang (Mohe Online 2008). Rajah di bawah menjelaskan jumlah responden lelaki dan perempuan yang terlibat dalam kajian ini:



Rajah 1.3 Jantina responden  
Sumber: Soal selidik 2011

Berhubung dengan medium atau sumber yang paling banyak memberi informasi mengenai fahaman Islam Liberal kepada responden, telah didahului oleh Internet dengan jumlah sebanyak 32% kerana Internet merupakan medium yang paling dekat dengan golongan pelajar. Berdasarkan kepada statistik penggunaan Internet mengikut peringkat umur tahun 2006, umur lingkungan 15-19 tahun merupakan yang paling ramai menggunakan Internet iaitu sebanyak 18.7%, diikuti dengan umur 20-24 tahun sebanyak 16.3% (Khuzainey t.th). Oleh yang demikian, kenyataan tersebut sejajar dengan penemuan kajian ini yang mana Internet sebagai sumber pertama responden dalam mendapat pengetahuan berhubung dengan fahaman Islam Liberal. Ini dapat dirumuskan berdasarkan rajah di bawah:



Rajah 1.4 Medium maklumat responden  
Sumber: Soal selidik 2011

## b) Persepsi Pelajar Terhadap Isu-isu Fahaman Islam Liberal

Kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi responden terhadap isu-isu yang diketengahkan oleh fahaman Islam Liberal bagi mengesan sekiranya wujud persepsi atau pandangan responden yang menjurus ke arah pemikiran yang bercorak liberal. Bagi merealisasikan tujuan tersebut, maka dakwaan-dakwaan pihak fahaman Islam Liberal serta kenyataan yang berbentuk fahaman Islam Liberal berhubung dengan isu hak kebebasan beragama dan aurat telah dikemukakan.

Setelah itu, jawapan-jawapan yang diberikan responden akan dinilai di mana jawapan setuju mewakili persepsi responden yang menunjukkan pemikiran yang bersifat liberal dan secara tidak langsung menyokong dakwaan fahaman Islam Liberal terhadap isu tersebut. Manakala jawapan tidak setuju pula menandakan pendirian responden yang menolak dakwaan tersebut. Ini akan menggambarkan pemikiran responden yang masih lagi selari dengan kehendak sebenar Islam. Seterusnya, jawapan tidak pasti pula menunjukkan responden tidak mengetahui mengenai dakwaan yang dikemukakan dan ini menandakan responden tersebut kurang peka mengenai isu agama dan sebagainya.

### i) Isu kebebasan beragama

Dalam mengenal pasti persepsi responden terhadap isu kebebasan beragama, sebanyak 8 item telah dikemukakan dalam soal selidik dan hasil analisis adalah sepertimana jadual di bawah:

Jadual 1.2 Kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai isu kebebasan beragama

No .	Isu Hak Kebebasan Beragama	<u>KEKERAPAN DAN PERATUSAN</u>					MIN	Tahap
		STS	TS	TP	S	SS		
1.1	Semua agama adalah benar kerana ada menganjurkan kepada kebaikan	43 (43.0%)	36 (36.0%)	6 (6.0%)	2 (2.0%)	3 (3.0%)	4.14	Tinggi
1.2	Kebebasan beragama sepatutnya dibolehkan kerana Allah telah berfirman bahawa: " <i>Tidak ada paksaan dalam Islam</i> "	46 (46.0%)	29 (29.0%)	14 (14.0%)	8 (8.0%)	3 (3.0%)	4.07	Tinggi
1.3	Larangan keluar dari agama Islam adalah sesuatu yang melanggar hak asasi manusia	62 (62.0%)	23 (23.0%)	15 (15.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4.47	Tinggi
1.4	Murtad atau keluar dari Islam adalah sesuatu yang tidak salah di sisi syariat Islam	80 (80.0%)	20 (20.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4.80	Tinggi
1.5	Manusia yang dikurniakan akal sememangnya berhak untuk bebas memeluk mana-mana agama yang dirasakan sesuai bagi diri mereka	60 (60.0%)	21 (21.0%)	19 (19.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4.41	Tinggi
1.6	Orang Islam juga perlu dibenarkan keluar daripada Islam sekiranya ingin berkahwin dengan orang bukan Islam	75 (75.0%)	15 (15.0%)	10 (10.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4.65	Tinggi
1.7	Orang Islam yang keluar daripada agama Islam tidak seharusnya dikenakan sebarang hukuman di dunia kerana telah ditetapkan hukumannya di akhirat	74 (74.0%)	15 (15.0%)	11 (11.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4.63	Tinggi
1.8	Kerajaan Malaysia sepatutnya bersifat lebih terbuka untuk membenarkan mana-mana individu Islam untuk keluar dari agamanya	76 (76.0%)	11 (11.0%)	10 (10.0%)	3 (3.0%)	0 (0.0%)	4.57	Tinggi
<b>KESELURUHAN</b>							<b>4.46</b>	<b>Tinggi</b>

Sumber: Soal selidik 2011

Jadual di atas mempamerkan skor min bagi keseluruhan item berada pada tahap yang tinggi dengan nilai 4.46. Maka, dapat dirumuskan bahawa persepsi responden bagi isu hak kebebasan beragama yang diketengahkan oleh pendukung fahaman Islam Liberal adalah memuaskan di mana majoriti responden menolak akan isu tersebut. Penemuan ini juga disokong dengan hasil

temu bual yang mana kesemua responden menentang terhadap hak kebebasan untuk orang Islam keluar dari agamanya. Menerusi jadual di atas juga dapat difahami bahawa skor min tertinggi bagi isu kebebasan beragama adalah 4.80 pada item 1.4.

Ini menunjukkan bahawa kesemua responden berpendirian untuk menolak dakwaan Islam Liberal yang menyatakan bahawa murtad tidak menyalahi syariat Islam. Namun, skor min yang terendah pula adalah pada item 1.2 dengan nilai 4.07 di mana seramai 11 orang responden telah bersetuju dengan dakwaan yang dikemukakan. Tanpa disedari, persetujuan terhadap item 1.2 itu menunjukkan persepsi yang menjurus ke arah liberal kerana ianya merupakan hujah daripada ayat al-Quran yang digunakan oleh pendukung fahaman Islam Liberal di dalam membenarkan kebebasan beragama. Justeru, dapat dirumuskan bahawa terdapat responden tidak sedar terhadap penyelewengan pentafsiran ayat al-Quran yang telah dilakukan oleh golongan Islam Liberal berhubung dengan isu kebebasan beragama.

**ii) Isu aurat**

Berhubung dengan persepsi responden terhadap isu aurat, sebanyak 8 item yang berbentuk negatif dalam menilai persepsi responden pelajar-pelajar Akademi Islam KUIS seperti yang tertera pada jadual berikut:

Jadual 1.3 Kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai isu aurat

No.	Isu Hak kebebasan Beragama	KEKERAPAN DAN PERATUSAN					MIN	Tahap
		STS	TS	TP	S	SS		
2.1	Pemakaian tudung tidak relevan untuk diaplikasikan pada masa kini	87 (87.0%)	13 (13.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4.87	Tinggi
2.2	Pemakaian tudung merupakan suatu budaya yang menggambarkan kemunduran sesuatu masyarakat	88 (88.0%)	12 (12.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4.88	Tinggi
2.3	Wanita Islam hanya dituntut untuk memakai pakaian yang dirasakan sopan dan sederhana ( <i>modesty</i> ) walaupun tanpa memakai tudung	90 (90.0%)	10 (10.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4.90	Tinggi
2.4	Pakaian yang sopan seperti berbaju kurung sudah cukup memadai bagi wanita Islam tanpa memakai tudung	81 (81.0%)	19 (19.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4.81	Tinggi
	bersambung...							bersambung...

2.5	Pakaian yang hanya menutup kemaluan sudah memadai bagi wanita Islam	88 (88.0%)	12 (12.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4.88	Tinggi
2.6	Kewajipan untuk menutup aurat merupakan hukum Islam yang melanggar hak asasi manusia	82 (82.0%)	18 (18.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4.82	Tinggi
2.7	Islam sepatutnya memberikan hak kepada kaum Muslimah untuk menentukan cara pemakaian mereka sama ada menutup aurat ataupun tidak	85 (85.0%)	15 (15.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4.85	Tinggi
2.8	Penguatkuasaan kod etika pakaian adalah melanggar hak asasi di mana pihak berkuasa tidak sepatutnya menggunakan paksaan dalam hasratnya untuk melihat wanita Islam menutup aurat	68 (68.0%)	22 (22.0%)	7 (7.0%)	3 (3.0%)	0 (0.0%)	4.55	Tinggi
<b>KESELURUHAN</b>							<b>4.82</b>	<b>Tinggi</b>

Sumber: Soal selidik 2011

Merujuk jadual 1.2, keseluruhan min bagi isu aurat adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai 4.82 yang secara jelas memperlihatkan bantahan responden terhadap dakwaan-dakwaan golongan fahaman Islam Liberal berhubung dengan isu tersebut. Nilai min tertinggi iaitu 4.90 telah diwakili oleh item bernombor 2.3 yang mana sejumlah 90 responden memberikan pandangan sangat tidak setuju dan 10 orang tidak setuju. Manakala min terendah pula didapati pada item 2.8 dengan skor sebanyak 4.55 di mana terdapat 3 orang yang telah mengemukakan pendapat setuju. Keputusan tersebut menunjukkan bahawa wujudnya persamaan pandangan responden dengan pemikiran Islam Liberal di Malaysia iaitu pertubuhan Sisters In Islam (SIS) yang merasakan penguatkuasaan kod etika pakaian adalah melanggar hak asasi manusia (Sisters in Islam 2000).

### **PERSEPSI PELAJAR TERHADAP ISU-ISU FAHAMAN ISLAM LIBERAL**

Melalui huraian-huraian mengenai persepsi responden pelajar Akademi Islam KUIS terhadap isu kebebasan beragama dan aurat, dapat disimpulkan bahawa majoriti responden memperlihatkan persepsi yang menolak dakwaan-dakwaan fahaman Islam Liberal berkenaan dengan kedua-dua isu tersebut. Namun, terdapat sebilangan kecil responden yang mengemukakan persetujuan terhadap kenyataan-kenyataan tertentu yang secara tidak langsung menandakan telah wujud persamaan pendapat atau pandangan responden dengan ideologi yang dibawa oleh fahaman Islam Liberal. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa

isu aurat serta isu kebebasan beragama yang diperjuangkan oleh pemikiran Islam Liberal telah memberi kesan kepada persepsi responden.

Penemuan ini ada rasionalnya kerana kedua-dua isu tersebut berkait rapat dengan kehidupan remaja berbanding dengan isu-isu lain seperti isu poligami, pembahagian harta pusaka dan lain-lain yang turut diperjuangkan oleh fahaman Islam Liberal. Sebagai contoh, pengabaian menutup aurat dalam kalangan pelajar atau remaja Islam di Malaysia pada masa kini seolah-olah telah sudah menjadi trend dan dilihat telah menjadi lumrah dalam kalangan mereka. Ini juga turut disokong menerusi temu bual oleh Majalah *al-Islam* (2010) terhadap beberapa orang remaja perempuan yang ada berpendapat bahawa memakai tudung dan dengan berbaju t-shirt lengan pendek sudah dianggap menutup aurat. Selain itu, ada juga remaja yang selesa dengan imej kemeja T ketat dan bertudung. Tanpa disedari, persepsi tersebut mempunyai persamaan dengan konsep yang dibawa oleh fahaman Islam Liberal dalam hal menutup aurat.

Berhubung dengan isu kebebasan beragama pula, didapati ia melibatkan segelintir remaja di negara ini seperti kes Norfazilah Rebah dan Hartina dalam lingkungan umur 19 hingga 22 tahun yang murtad kerana mengikut teman lelaki dan berkahwin dengan pasangan yang bukan beragama Islam (Ann Wan Seng 2009). Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa isu murtad telah mendapat tempat di kalangan remaja Islam di negara ini, maka ianya dijadikan sebagai faktor mengapa isu murtad ini dikaji bagi mengenal pasti persepsi remaja atau pelajar-pelajar Islam yang lain berhubung dengan isu ini. Malah, isu murtad ini mendapat sokongan oleh pendukung-pendukung fahaman Islam Liberal kerana merasakan bahawa sekatan terhadap orang Islam yang ingin murtad merupakan sesuatu yang melanggar hak asasi manusia.

Tambahan pula, jumlah responden yang bersetuju terhadap kedua-dua isu yang dikaji mendapati bahawa isu kebebasan beragama telah mendapat persetujuan sejumlah 19 orang responden dan isu aurat pula telah disokong oleh 3 orang responden. Bagi menguatkan lagi bukti tersebut, pengkaji mendatangkan beberapa item dakwaan yang telah mendapat persetujuan atau sokongan responden seperti dalam isu kebebasan beragama, terdapat 5 orang responden yang bersetuju dengan dakwaan semua agama adalah benar kerana ada menganjurkan kepada kebaikan pada item 1.1. Memang tidak dinafikan bahawa kesemua agama yang wujud di dunia ini ada menganjurkan kebaikan atau menyeru kepada perbuatan yang baik, namun begitu agama yang benar hanyalah agama Islam yang akan membawa kepada kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Sepertimana yang disebutkan oleh Hafiz (2007) bahawa dalam konteks Islam, meskipun Islam membenarkan agama lain melaksanakan tuntutan agama mereka namun tidak bererti Islam mengakui kebenarannya kerana asas kebenaran dalam Islam bukannya terletak kepada perkara-perkara kebaikan yang terdapat dalam agama tersebut tetapi asas kebenarannya adalah mentauhidkan Allah

SWT Justeru, responden seharusnya tidak terkeliru dengan dakwaan fahaman Islam Liberal tersebut yang cuba memesonkan akidah umat Islam untuk membenarkan kesemua agama. Lebih-lebih lagi, responden merupakan pelajar-pelajar Pengajian Islam yang bakal berhadapan dan bertanggungjawab dalam menangani permasalahan yang berlaku berkaitan dengan hal ehwal Islam.

Selain itu, item 1.2 iaitu kebebasan beragama sepatutnya dibolehkan kerana Allah telah berfirman bahawa: “Tidak ada paksaan dalam Islam” turut mendapat persetujuan daripada 11 orang responden dan tanpa disedari persetujuan tersebut menunjukkan perkaitan yang wujud antara persepsi responden dengan pendirian yang dikemukakan oleh pihak pemikiran Islam Liberal. Walaupun hujah tersebut merupakan ayat suci al-Quran, namun begitu perbahasan-perbahasan ulama terdahulu membuktikan bahawa ayat tersebut ditujukan kepada orang yang ingin memeluk agama Islam bukan kepada orang yang ingin keluar daripada agama Islam. Justeru, pentafsiran yang diberikan oleh pendukung fahaman Islam Liberal sepertimana pada item 1.2 tersebut adalah bertentangan dengan pentafsiran ayat yang sebenar. Oleh yang demikian, responden seharusnya perlu menolak atau membantah dakwaan tersebut walaupun ianya berupa petikan daripada ayat al-Quran.

Di samping itu, kenyataan kerajaan Malaysia sepatutnya bersifat lebih terbuka untuk membenarkan mana-mana individu Islam untuk keluar dari agamanya pada item 1.8 telah disokong oleh 3 orang responden. Sebagai umat Islam, seharusnya membantah kenyataan tersebut kerana kita berperanan memikul tanggungjawab dalam mempertahankan agama Islam lebih-lebih lagi Islam merupakan agama persekutuan di negara ini. Kenyataan ini turut disokong menerusi penulisan Ann Wan Seng (2009) yang menyebut bahawa gejala murtad seharusnya ditangani dan dipertanggungjawab oleh umat Islam seluruhnya. Secara tidak langsung bermaksud bahawa isu murtad ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya dan perlu ditangani oleh semua peringkat sama ada ibu bapa, saudara mara, pendidik, agensi dakwah serta pemerintah, bukan perlu disokong untuk sewenang-wenangnya membenarkan orang Islam untuk murtad. Justeru, persetujuan atau sokongan terhadap kenyataan 1.8 tersebut mempamerkan persepsi responden yang menjurus ke arah liberal.

Bagi isu aurat pula, sejumlah 3 orang responden pelajar yang bersetuju dengan dakwaan bahawa penguatkuasaan kod etika pakaian adalah melanggar hak asasi kerana mempunyai unsur paksaan ke atas pemakainya pada item 2.8. Tanpa disedari, sokongan terhadap item 2.8 tersebut merumuskan bahawa responden kurang memahami tanggungjawab sebagai umat Islam dalam usaha menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Hakikatnya, istilah paksaan tidak perlu timbul apabila kewajipan itu berbentuk suruhan dari hukum Allah seperti dalam hal menutup aurat. Oleh yang demikian, fahaman Islam Liberal cuba untuk mengelirukan masyarakat Islam dengan menggunakan konsep

memperjuangkan hak asasi sebagai pendekatan untuk membenarkan orang Islam berpakaian dengan tidak menutup aurat.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini membentangkan persepsi pelajar-pelajar IPTS Akademi Islam di KUIS terhadap fahaman Islam Liberal dalam dua isu yang difokuskan iaitu isu kebebasan beragama dan isu aurat. Keputusan yang telah dijelaskan adalah melalui dapatan deskriptif yang telah diperoleh daripada soal selidik menerusi penilaian daripada perisian SPSS dan turut disokong menerusi dapatan temu bual.

Dapatan deskriptif menunjukkan bahawa majoriti responden menolak dakwaan-dakwaan fahaman yang di bawa oleh Islam Liberal. Namun, terdapat sebilangan responden yang memperlihatkan persepsi yang cenderung untuk bersetuju dengan pemikiran yang dibawa oleh fahaman Islam Liberal terhadap isu-isu tersebut. Ini disebabkan beberapa faktor yang boleh dinyatakan seperti kekeliruan dengan hujah ayat al-Quran yang digunakan oleh fahaman Islam Liberal dan penggunaan istilah seperti “paksaan” atau pun “hak asasi” yang telah mengaburi pandangan responden. Justeru, golongan pelajar pengajian Islam institusi pengajian tinggi khasnya haruslah sentiasa meningkatkan prestasi meningkatkan cabang-cabang ilmu agar muncul menjadi intelektual awam yang peka dengan permasalahan masyarakat dan berusaha untuk merungkaikan kemelut umat melalui pandangan yang rasional dan objektif. Ramuan utama dalam menangani permasalahan ini tentu sekali melalui pengukuhan budaya ilmu yang berteraskan kepada nilai-nilai Islam yang sebenar.

## **RUJUKAN**

Abdul Hafiz Abdullah & Abdul Rahim Jusoh. 2006. Persepsi Pelajar Terhadap Matapelajaran Titas (ULT1022): Satu Kajian di Kalangan Pelajar-pelajar Tahun 1 Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli UTM. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum (SKPU 2006)*.

Abdul Hafiz Haji Abdullah & Ahmad Syukri Yusof. 2006. Persepsi Pelajar Terhadap Kecenderungan Berpasangan di IPTA: Kajian Kes ke Atas Pelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. *Prosiding Seminar Falsafah Perkahwinan (29-30 Mac 2006: Kuala Lumpur)*.

Abdul Shukor Hj Husin. 2008. Pembangunan Islam Hadhari Melalui Pendidikan Islam Era Globalisasi. Dlm. Ibrahim Abu Bakar, Muhamad Muda &



- Mohammad Haji Alias (edt.). *Pembangunan Pengajian Tinggi Islam Di Malaysia*, hlm. 219-237. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ann Wan Seng. 2009. *Murtad Jangan Pandang Sebelah Mata*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn Bhd.
- Bharuddin Che Pa, Raja Hisyammudin Raja Sulong & Afriadi Sanusi. 2009. Usaha Membendung Pengaruh Islam Liberal: Kajian Terhadap Strategi Kiai Haji Ahmad Dahlan Dalam Memurnikan Ajaran Islam. Dlm. Abdul Karim & Roslan Mohd Nor (pnyt.). *Islam Liberal Isu dan Cabaran*, hlm. 177-194. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Hafiz Firdaus Abdullah. 2007. *Membongkar Aliran Islam Liberal*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Khuzainey. t.th. Teknologi Internet Dalam Pendidikan: Ciri, Penggunaan, Aplikasi dan Multimedia Interaktif. <http://www.scribd.com/doc/4762752/Peranan-ICT-Dalam-Pendidikan> [20 Ogos 2011].
- Marzuki Mohamad. 2009. Manifestasi Islam Liberal di Malaysia: Dimensi Politik dan Undang-Undang. Dlm. Abdul Karim & Roslan Mohd Nor (pnyt.). *Islam Liberal Isu dan Cabaran*, hlm. 157-176. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia.
- Mohammad Ariffin Bin Ismail. t.th. *Cabaran Akidah Pemikiran Islam Liberal*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Mohamad Kamil Ab Majid & Wan Adli Wan Ramli. 2007. Pengajian Pemikiran Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Realiti dan cabaran. Dlm. Mohd Fauzi Hamat, Joni Tamkin Borhan & Ab. Aziz Mohd Zin (edt.). *Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*, hlm.57-72.Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohamad Khairi Othman & Mohd Nizho Abdul Rahman. 2006. Titas dalam Mendepani Cabaran Pembangunan Holistik: Kajian Minat dan Persepsi Pelajar Terhadap Kepentingannya. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum (SKPU 2006)*.

- Mohd Nasir Omar. t.th. Pengaruh Fahaman Islam Liberal di Indonesia dan Malaysia. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Isu-isu Fahaman Islam Liberal. Anjuran Kumpulan Penyelidik Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) UKM-PP-O5-FRGS0063-2010, 17 Februari.
- Mohe Online. 2008. Bilangan Pelajar dan Nisbah Gender Mengikut Peringkat Pengajian di IPTA, IPTS, KTAR, Politeknik dan Kolej Komuniti, Tahun 2007. [http://www.mohe.gov.my/web\\_statistik/statistik\\_pdf\\_2008\\_05/indikator\\_6-2.pdf](http://www.mohe.gov.my/web_statistik/statistik_pdf_2008_05/indikator_6-2.pdf). [2 September 2011].
- Muhd. Najib Abdul Kadir, Muhyudin Hassan & Mazlan Ibrahim. 2007. Tafsiran Quran dalam Perspektif Jaringan Islam Liberal. *Jurnal Islamiyyat*. Jil. 29: 93-122.
- Muhibbuddin Hasan. 2004. Tafsiran Jaringan Islam Liberal: Kajian Analisis Metodologi dan Penyelewengan Tafsir Jaringan Islam Liberal Indonesia. Tesis Sarjana, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muslim Gunawan. 2005. Metodologi Ijtihad Versi Jaringan Islam Liberal: Satu Analisis Metodologi Ijtihad Jaringan Islam Liberal Indonesia. Tesis Sarjana, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa Daud, Mohd Mustafa Ishak, Rohan Yusof & Che Su Mustafa. 1993. Persepsi Pelajar Islam di Universiti Pengajian Tinggi Terhadap Penggunaan Tulisan Jawi: Kajian Kes di Universiti Utara Malaysia. *Prosiding Seminar Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan*.
- Norbaya Ahmad, Zatul Himmah Adnan & Adlina Ab. Halim. 2006. Persepsi Pelajar Terhadap Kursus Hubungan Etnik di UPM. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum (SKPU 2006)*.
- Nur Hasyimah Othman. 2010. *Bila Aurat Disalah Faham*. Al-Islam. Julai 14.
- Nur Farhana Abdul Rahman. 2010. Konsep Pluralisme Agama Dalam Aliran Liberal Islam. Tesis Sarjana, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Riduan Mohamad Nor & Ahmad Adnan Fadhil. 2009. *Islam Liberal dan Pluralisme Agama*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.

- Sisters In Islam. 2000. Kod pakaian Terengganu. [http://www.sistersinislam.org.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=407&Itemid=194](http://www.sistersinislam.org.my/index.php?option=com_content&task=view&id=407&Itemid=194). [16 Ogos 2011].
- Shah Rollah Abdul Wahab, Hamidah Ab. Rahman, Hamidah Abdul Rahman, Azizah Rajab, Siti Fatima Bahari & Lily Suriani Mohd Arif. 2006. *Persepsi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Umum Universiti (Bahasa Inggeris): Satu Kajian di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum (SKPU 2006)*.
- Shaharom TM Sulaiman. 2002. Mengenal Pemikiran Islam Liberal. Dlm. *Massa Majalah Berita Mingguan*, 5-11 Januari 2002, hlm. 64.
- Shaharom TM Sulaiman. 2003. Memahami Pemikiran Islam Liberal. Dlm. *Massa Majalah Berita Mingguan*, 8-14 Mac 2003, hlm. 44.

